

Ruj. Fail : MBSJ.KP.100-6/1/1 Jld.5()

**MINIT MESYUARAT PENUH
MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA
BIL. 7 TAHUN 2025**

Tarikh : 29 Julai 2025 (Selasa)

Masa : 3.00 petang - 5.15 petang

Tempat : Bilik Mesyuarat Kenanga, Aras 2
Bangunan MBSJ

Kehadiran : Seperti di Lampiran A

1.0 BACAAN DOA

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh Encik Raja Mohd Ashraf bin Raja Chik, Penolong Pengarah Khidmat Pengurusan.

2.0 TAYANGAN PROGRAM MAJLIS BULAN JULAI 2025

Tayangan video sorotan program dan aktiviti sepanjang bulan Julai 2025 dipaparkan kepada ahli mesyuarat.

3.0 PERUTUSAN DATUK BANDAR

Datuk Bandar memulakan mesyuarat dengan mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memaklumkan bahawa mesyuarat kali ini merupakan Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya yang ketujuh bagi tahun 2025. Seterusnya pemakluman mengenai perkara seperti berikut :

- i) Datuk Bandar berkongsi amanat daripada sesi perjumpaan YAB Perdana Menteri bersama warga Jabatan Perdana Menteri (JPM) di Dewan De' Seri Endon, Puspanitapuri, Putrajaya pada 21 Julai 2025. YAB Perdana Menteri menegaskan bahawa kemajuan teknologi, kepintaran sistem digital dan kecekapan pentadbiran tidak boleh mengatasi keutamaan membina insan yang berakar pada nilai agama, budaya, jati diri bangsa serta semangat kesetiaan kepada negara. Pembangunan negara mesti digerakkan secara seiring antara kecanggihan sistem dan keutuhan jiwa.

Selain itu, YAB Perdana Menteri juga menekankan pentingnya peranan penjawat awam dalam memperkukuh komunikasi strategik bagi menyampaikan dasar dan inisiatif Kerajaan kepada rakyat. Beliau turut menyeru agar semua penjawat awam memahami isi kandungan setiap inisiatif secara menyeluruh supaya penyampaian kepada masyarakat lebih tepat, berkesan, dan mampu memperbetul persepsi yang tidak benar terhadap pentadbiran.

YAB Perdana Menteri turut merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada seluruh pegawai awam, khususnya atas komitmen dan dedikasi dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan oleh kepimpinan tertinggi negara. Segala kejayaan yang dicapai oleh Kerajaan adalah hasil usaha gigih dan kesungguhan pegawai awam dalam merealisasikan aspirasi negara ke arah perubahan dan reformasi menyeluruh dalam tadbir urus serta kesejahteraan rakyat.

- ii) Seterusnya Datuk Bandar memaklumkan berkaitan Forum Perbandaran Mampan Asean (ASUF) yang dianjurkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan Urbanice Malaysia dengan kerjasama Dewan Bandaraya akan diadakan bermula pada 11 hingga 15 Ogos 2025 (Isnin hingga Jumaat) bertempat di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC) .

Sukacita dimaklumkan, kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Subang Jaya telah dipilih sebagai salah satu lokasi lawatan teknikal sempena forum di peringkat antarabangsa ini. Lawatan Teknikal sempena Forum Perbandaran Mampan Asean (ASUF), Forum Gabenor dan Datuk Bandar Ibu Negara Asean (AGMF) serta Mesyuarat Gabenor dan Datuk Bandar Ibu Negara Asean (MGMAC) 2025 dijadualkan pada 11 Ogos 2025 di Bandar Sunway, Subang Jaya.

Persidangan ini bertemakan Masa Depan Bandar dan Wilayah ASEAN: Keterangkuman dan Kemampunan. Acara ini menumpukan

kepada pembangunan bandar yang mampan dan inklusif dalam rantau ASEAN.

Forum ini bertujuan untuk memperkukuh kerjasama antara kerajaan tempatan, pembuat dasar, akademik serta pelbagai pihak berkepentingan dalam usaha membangunkan bandar yang mampan dan sejahtera.

Pemilihan lokasi lawatan teknikal ini kerana Bandar Sunway merupakan bandar terawal di Malaysia yang menerapkan perbandaran hijau serta menerapkan elemen pembangunan mampan, inovasi dan pembelajaran yang kedua-duanya menjadi contoh untuk pembangunan bandar mampan di seluruh dunia dan membantu menyelaraskan aktiviti SDG di seluruh Asia.

Lawatan teknikal ini adalah kerjasama strategik pihak Majlis bersama Urbanice Malaysia dan Sunway selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan 17 iaitu Perkongsian untuk Matlamat. Lawatan teknikal ini menyaksikan hubungan kerjasama dua hala di antara Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), pihak pemaju dan kerjasama agensi luaran untuk menjayakan acara lawatan penandaarasan ini.

Saya mengalu-alukan kerjasama Ahli Majlis dan Ketua Jabatan untuk menyambut delegasi antarabangsa ASUF, AGMF dan MGMAC ini ke kawasan pentadbiran Majlis pada 11 Ogos 2025

(Isnin) di Sunway Resort Hotel dengan pakaian tema tradisional Malaysia.

Jabatan Perancangan Bandar dan Jabatan Kejuruteraan juga diminta membantu memudahkan cara permohonan cadangan pembangunan laluan alternatif oleh Sunway Group bagi membantu isu penyuraian trafik yang melibatkan Lagoon Selatan, Kelana Link, Jalan Kemajuan dan Subang Ria. Semoga projek ini mampu memberikan impak positif serta bermanfaat kepada penduduk Sunway dan Subang Jaya sekaligus mendapat pengiktirafan sebagai contoh bandar mampan di dunia.

- iii) Datuk Bandar turut memaklumkan berkenaan Seminar Peluasan Skop Cukai Perkhidmatan 2025 : Kesiapsiagaan PBT dan GLC dalam Sektor Utama yang dianjurkan MBSJ dengan kerjasama Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) pada 20 dan 21 Ogos 2025 bertempat di Hotel Tamu & Suites, Kuala Lumpur.

Bengkel ini bakal menghimpunkan wakil-wakil kewangan dan pentadbiran daripada Pihak Berkuasa Tempatan seluruh Malaysia yang bertujuan untuk memperkukuh pemahaman berkaitan pelaksanaan SST yang mana skop cukai akan diperluaskan kepada pelbagai Perkhidmatan bermula 1 Oktober 2025. Yuran penyertaan bagi 2 hari seminar ini adalah berpatutan di mana GLC dikenakan bayaran sebanyak RM 1300.00 dan kadar istimewa PBT adalah sebanyak RM 1000.00 bagi seorang peserta.

MBSJ berharap semoga seminar ini akan menjadi sebagai wadah perkongsian ilmu dan Majlis percaya bahawa melalui platform seperti ini, pengurusan cukai oleh agensi tempatan dapat dilaksanakan dengan lebih cekap, telus dan selaras dengan keperluan undang-undang semasa.

Semoga peserta seminar akan dapat memperkukuhkan tadbir urus dan meningkatkan kecekapan pengurusan kewangan di peringkat kerajaan tempatan. Inisiatif ini juga sejajar dengan matlamat penyelarasan fiskal nasional serta memastikan setiap agensi mematuhi peraturan percukaian.

- iv) Datuk Bandar memaklumkan bahawa Arena MBSJ telah menjalani proses naik taraf serta telah dilengkapi LED Scoreboard, gelanggang pickleball dan trek balapan baharu. Arena MBSJ akan dibuka kepada orang awam dan sewaan bermula 1 Ogos 2025.
- v) Seterusnya Datuk Bandar memaklumkan berkenaan Program Hari Tanpa Kenderaan Subang Jaya (HTKSJ) siri 3/2025 dan Hari Terbuka Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Petaling Perdana yang akan diadakan pada 9 hingga 10 Ogos 2025, hari Sabtu dan Ahad, bertempat di Pusat Membeli-belah Aeon Taman Equine, Seri Kembangan.

Buat pertama kalinya, PPD Petaling Perdana berkolaborasi bersama MBSJ di dalam penganjuran HTKSJ ini. Program ini juga mendapat

kerjasama yang erat daripada Pusat Khidmat ADNS Seri Serdang, Ibu Pejabat Polis Daerah Serdang dan Pusat Membeli-belah AEON Taman Equine, Seri Kembangan serta disokong oleh pelbagai agensi dan sektor korporat/swasta.

Pada edisi kali ini, pelbagai program sihat dan santai akan diadakan seperti acara Larian Santai 5KM, Kayuhan Santai 15KM, Senamrobik, Netball Shootout, Pemeriksaan Kesihatan dan Eksplorasi Sekolah Sihat dan Lestari, Pertandingan Mewarna Kanak-kanak, Pertandingan Koir Sekolah Rendah, Pertandingan Bicara Berirama (Choral Speaking), Eco Free Market, Penyerahan Anak Pokok kepada sekolah, pameran dari pelbagai agensi dan bazar makanan. Pada edisi kali ini juga, semua aktiviti yang diadakan bertemakan patriotisme memandangkan penganjuran HTKSJ kali ini di buat dalam bulan Kemerdekaan.

Dijangkakan program ini dapat menarik seramai 3,000 pengunjung dan komuniti bagi merasai kemeriahan program HTKSJ di samping memberikan persepsi positif dalam usaha pihak Majlis Bandaraya Subang Jaya untuk merealisasikan program pelestarian alam sekitar, kesejahteraan rakyat dan Bandar Rendah Karbon.

- vi) Datuk Bandar memaklumkan tentang Perlawanan The Sultan Of Selangor Cup (TSSC) akan berlangsung pada 27 September 2025, hari Sabtu, jam 8.00 Malam bertempat di Stadium Merdeka, Kuala Lumpur. MBSJ terlibat secara langsung dalam kejohanan ini dengan

dua program siri jelajah dan promosi yang akan diadakan seperti berikut :

- Majlis Perlancaran Siri Jelajah Publisiti Program The Sultan Of Selangor Cup (TSSC) pada 2 Ogos 2025, hari Sabtu, jam 1.30 petang bertempat di Main Entrance, Sunway Pyramid Mall (terbuka untuk umum).
 - Program Siri Jelajah Publisiti The Sultan Of Selangor Cup (TSSC) di MBSJ pada 21 Ogos 2025, hari Khamis, jam 10.00 pagi bertempat di Bilik Mesyuarat Kenanga, Aras 2, MBSJ (untuk kakitangan MBSJ).
- vii) Datuk Bandar memaklumkan berkenaan program Pertandingan Cabaran Joran Merdeka MBSJ 2025 yang diadakan sempena Ulang Tahun Kelima MBSJ pada 24 Ogos 2025, hari Ahad, jam 7.00 pagi hingga 1.00 petang bertempat di Taman Tasik Kampung Seri Aman.

Yuran penyertaan sebanyak RM 40.00/joran dan sasaran peserta seramai 500 orang. Program ini diadakan dengan kerjasama pihak penganjur Nadi Media Events dan mendapat sokongan daripada Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) Zon 12. MPP Zon 12 juga akan melaksanakan Program Lestari Kampung seperti Pertandingan Sepakan Penalti di Padang Bola Sepak MBSJ Kampung Seri Aman serta Program Subuh Macam Jumaat di Masjid Kampung Seri Aman dan Karnival Jualan.

- viii) Datuk Bandar turut memaklumkan berkaitan demam denggi di MBSJ. Sehingga minggu epid ke-29 tahun 2025, MBSJ telah mencatatkan sebanyak 2101 kes positif demam denggi. Ini menunjukkan penurunan sebanyak 63.81% jika dibandingkan dengan kumulatif kes pada minggu epid yang sama di tahun 2024 iaitu sebanyak 5806 kes. Terdapat lima lokaliti hotspot iaitu di PJS 9/1 (Lagoon Perdana & Rumah Kedai), Taman Subang Mas (Rumah Kedai), Taman Sri Serdang 2 (Flat Ikan), Taman Kinrara JalaN TK 3 (Vista Lavender), Taman Puchong Utama 7 (Court 1) Blok A, B, C, D, E, F,G, H, I, J ,K, L M, N, P) manakala 1 Lokaliti Wabak Tak Terkawal iaitu di Taman Pinggiran USJ 2 (Sri Nipah). Kawalan dan pencegahan demam denggi terus dijalankan di kawasan yang dilaporkan kes demam denggi bagi membendung penularan kes demam denggi seperti pemeriksaan tempat pembiakan (PTP), semburan larvaciding dan pengwasapan ('fogging').

Pendidikan kesedaran tentang demam denggi turut dijalankan di lokaliti-lokaliti berpotensi. Penduduk disarankan untuk membuat langkah-langkah pencegahan seperti kempen 10 minit, gotong-royong memusnahkan lokasi potensi tempat pembiakan Aedes. Seterusnya, sekiranya terdapat simptom demam denggi, penduduk dinasihatkan untuk mendapatkan rawatan dengan segera.

4.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT PENUH MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA BIL. 6/2025

Minit Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 6/2025 bertarikh 25 Jun 2025 (Rabu) disahkan tanpa pindaan.

5.0 MAKLUM BALAS MESYUARAT PENUH MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA BIL. 6/2025

Maklum balas Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 6/2025 bertarikh 25 Jun 2025 (Rabu) disahkan tanpa pindaan.

6.0 PENGESAHAN KEPUTUSAN DAN LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA

6.1 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Perancangan dan Pembangunan Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 12/2025 bertarikh 23 Jun 2025

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
1.	Para 11 & m/s 24	Encik Thamilarusu	Permohonan Kebenaran	Beliau memohon supaya diadakan satu perbincangan

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
		a/l Sandayan	Merancang Pendirian Bangunan Sementara bagi Cadangan Membina 1 Unit Bangunan Medan Selera di atas PT 863(HS(D) 133183 seluas 1.639 ekar, Jalan Dulang The Mines Resort City, Seri Kembangan	dengan Ahli Majlis kawasan bagi mengkaji laluan jalan ke medan selera kerana laluan tersebut merupakan laluan sehalu dari Taman Sg. Besi Indah ke Mines. Maklum balas mesyuarat : Mesyuarat memaklumkan bahawa laluan tersebut akan diselaraskan kepada laluan dua hala untuk laluan masuk dan keluar. Jabatan diminta menyerahkan maklumat berkenaan perancangan pembinaan jalan dua hala tersebut kepada Ahli Majlis kawasan. Tindakan: Jabatan Kejuruteraan

6.2 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Perancangan dan Pembangunan Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 13/2025 bertarikh 8 Julai 2025

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

6.3 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 7/2025 bertarikh 9 Julai 2025

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
1.	Para 6.1 & m/s 6	Puan Lee Jen Uyin	Laporan dan Aktiviti Bahagian Perpustakaan Bulan Jun 2025	Beliau mencadangkan supaya Majlis mengkaji semula lokasi perpustakaan di kawasan MBSJ dari segi penggunaannya. Maklum balas mesyuarat : Mesyuarat memaklumkan perpustakaan hipermedia Bandar Puteri Puchong akan

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
				dinaik taraf dan dijadikan perpustakaan utama MBSJ. Makluman
2.	Para 8.1(iii) & m/s 14	Puan Lee Jen Uyin	Hal-hal Lain (Prosedur Inden MPP)	Beliau memaklumkan bahawa, MBSJ telah mensyaratkan MPP mengemukakan 3 sebut harga bagi prosedur Inden MPP, namun ditolak dengan alasan perlu mengikut kadar harga JKR. Beliau mencadangkan supaya pemilihan dibuat mengikut sebut harga terendah dan tidak terikat dengan kadar harga JKR. Maklum balas mesyuarat : Mesyuarat memutuskan supaya Jabatan Kejuruteraan menyediakan dasar serta menetapkan jadual kadar harga MBSJ dan tidak hanya terikat dengan kadar harga

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
				JKR. Jabatan perlu menanda aras Jabatan Kejuruteraan Majlis Bandaraya Shah Alam berkenaan penyediaan jadual kadar harga MBSA. Tindakan: Jabatan Kejuruteraan
3.	-	Encik Parithi Vaanan a/l Ramasamy	-	Beliau memohon penjelasan daripada Jabatan Pembangunan Masyarakat berkenaan penganjuran Program Perasmian Kabaddi MPP Zon 17 pada 21 Julai yang lepas kerana tidak membantu dalam penyediaan PA System dan pegawai penyambut tetamu. Maklum balas mesyuarat : Jabatan Pembangunan Masyarakat akan membuat

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
				penjelasan secara terus kepada Ahli Majlis terlibat. Tindakan: Jabatan Pembangunan Masyarakat
4.	Para 9.4 & m/s 15	Encik Thomas Low Yew Sin	Hal-hal Lain	Beliau memaklumkan masalah yang dihadapi oleh penduduk bukan Islam yang tinggal di kawasan strata, di mana pihak pangsapuri tidak membenarkan mayat dibawa pulang ke rumah kediaman strata. Beliau mencadangkan supaya disediakan satu lokasi khas yang boleh digunakan untuk penempatan sementara mayat bagi upacara penghormatan terakhir daripada keluarga dan kenalan sebelum dikebumikan atau dibawa ke krematorium.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
				Maklum balas mesyuarat : Jabatan Perancangan Bandar dan Jabatan COB diminta mengkaji semula syarat-syarat pembangunan strata atau meletakkan syarat kepada pemaju untuk penyediaan lokasi khas tersebut. Tindakan: Jabatan Perancangan Bandar / Jabatan COB

6.4 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur, Pengangkutan dan Kemudahan Awam Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 7/2025 bertarikh 11 Julai 2025

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
1.	Para 3.2.2 & m/s 6	Encik M. Anbarasan	Hal-hal Lain	Beliau memaklumkan bahawa kekerapan kemalangan di

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
		a/ Murugesu		Jalan Persiaran Putra Permai selepas simpang tiga Lebuhraya MEX adalah kerap dan perlu diambil tindakan segera. Maklum balas mesyuarat : Jalan Persiaran Putra Permai selepas simpang tiga Lebuhraya MEX merupakan jalan milik JKR. Mesyuarat memutuskan supaya Jabatan Kejuruteraan menyediakan satu laporan penuh beserta cadangan penyelesaian untuk dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa akan datang. Tindakan: Jabatan Kejuruteraan
2.	Para 6.3.15 &	Puan Lee Jen Uyin	Hal-hal Lain (Pengalihan	Beliau meminta supaya Jabatan Kejuruteraan

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
	m/s 16		telefon usang)	mengambil tindakan mengalihkan semua telefon yang telah rosak dan usang yang dibiarkan oleh pihak Telekom. Maklum balas mesyuarat : Pengalihan telefon yang telah usang dan rosak adalah di bawah bidang kuasa pihak Telekom. Mesyuarat bersetuju supaya garis panduan berkenaan pemasangan utiliti di kawasan MBSJ dikaji semula dan meletakkan syarat atau cagaran kepada pihak berkaitan. Tindakan: Jabatan Kejuruteraan

**6.5 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan Majlis
Bandaraya Subang Jaya Bil. 7/2025 bertarikh 16 Julai 2025**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
1.	Para 4.3 & m/s 6	Puan Lee Jen Uyin	Masalah Pembuangan Sampah di Bandar Puteri	Beliau memaklumkan bahawa masih terdapat aduan berkenaan kutipan sampah domestik di kawasan komersial Bandar Puteri masih dilaksanakan pada waktu petang. Beliau mencadangkan supaya Majlis menanda aras waktu kutipan sampah yang dipraktikkan di DBKL iaitu dikutip pada lewat malam dan ini dapat mengelakkan masalah sampah diselongkar oleh haiwan terbiar.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
				Maklum balas mesyuarat : Mesyuarat bersetuju supaya Jabatan mengkaji jadual kutipan sampah domestik bagi memastikan perkhidmatan Majlis di tahap yang terbaik. Jadual kutipan juga perlu diserahkan kepada semua Ahli Majlis untuk makluman. Tindakan: Jabatan Pengurusan Alam Sekitar

6.6 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 7/2025 bertarikh 17 Julai 2025

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**6.7 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Bandar
Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 7/2025 bertarikh 17 Julai
2025**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**6.8 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perkhidmatan dan
Teknologi Maklumat Majlis Bandaraya Subang Jaya
Bil. 7/2025 bertarikh 21 Julai 2025**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
1.	Para 5.2 & m/s 7	Puan Lee Jen Uyin	Kertas Laporan Pusat Kawalan CCTV (SJVCC) bagi bulan Jun 2025	Beliau memohon penjelasan lanjut berkenaan kerosakan kamera CCTV seperti yang dilaporkan. Maklum balas mesyuarat : Mesyuarat memaklumkan bahawa sebarang kerosakan

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
				kamera CCTV yang dikenal pasti akan dilaporkan terus kepada pihak vendor untuk pembaikan atau penggantian segera. Makluman
2.	Para 5.3 & m/s 9	Puan Lee Jen Uyin	Kertas Laporan Pengurusan Aduan dan Maklum Balas Pelanggan bulan Jun 2025	Beliau memaklumkan bahawa kategori aduan tertinggi adalah masalah pokok, jalan dan lampu jalan. Beliau mencadangkan supaya Majlis menambahkan peruntukan bajet tahun 2026 kepada Jabatan Landskap dan Jabatan Kejuruteraan bagi mengatasi masalah ini. Maklum balas mesyuarat : Mesyuarat meminta supaya isu peruntukan bajet 2026 dibincangkan dalam mesyuarat Perancangan Operasi dan Bajet Tahunan

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
				MBSJ yang akan diadakan pada 4-6 Ogos 2025. Makluman
3.	Para 7.1(ii) & m/s 22	Puan Suzanah Hanim Wong	Hal-hal Lain (Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Undang-Undang)	Beliau memohon penjelasan berkenaan kekerapan yang wajib bagi Mesyuarat Jawatankuasa Kecil kerana Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Undang-Undang masih belum dilaksanakan pada tahun 2025. Maklum balas mesyuarat : Mesyuarat memaklumkan bahawa merujuk Pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan) bil.1/2021 : Garis Panduan Pengurusan Ahli Majlis PBT Selangor menyatakan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
				merupakan terbitan daripada Mesyuarat Jawatankuasa bagi maksud melaporkan atau menjalankan tugas khas yang diperlukan perincian terhadap sesuatu isu yang tidak dapat diselesaikan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa. Jawatankuasa Teknikal ini akan terbatal setelah perkara tersebut diputuskan. Makluman

6.9 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan dan Kesejahteraan Bandar Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 7/2025 bertarikh 21 Julai 2025

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

7.0 PEMBENTANGAN KERTAS MESYUARAT

7.1 Kertas Cadangan Pindaan Pemberian Pembelian Tablet PC Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor bilangan 14 tahun 2011 Kepada Pegawai MBSJ (Kertas Mesyuarat bil. 7/7/2025)

Kertas mesyuarat ini telah disediakan oleh Jabatan Khidmat Pengurusan dan dibentangkan oleh Encik Mohd Reyza bin Mazlan, Timbalan Pengarah Khidmat Pengurusan.

Keputusan Mesyuarat :

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat bersetuju menerima Kertas Cadangan Pindaan Pemberian Pembelian Tablet PC Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor bilangan 14 tahun 2011 kepada Pegawai MBSJ seperti berikut :

- i) Peruntukan pembelian tablet PC sebanyak RM 2,500.00 diberikan kepada Pegawai Gred 5 dan ke atas;
- ii) Peruntukan ini bermula tahun 2026 menggunakan vot 27299 : Bekalan Am Yang Lain menggunakan peruntukan Jabatan masing-masing;
- iii) Bajet tahunan adalah sebanyak RM 455,000.00 dan melayakkan tuntutan terhadap kepada 182 tuntutan setahun sahaja;

- iv) Kemudahan ini layak dituntut oleh pegawai setiap dua tahun. Permohonan baru hanya boleh diluluskan selepas dua tahun dikira mulai tarikh kelulusan sebelumnya dan tertakluk kepada kelulusan Pegawai Pengawal atau Pegawai yang diberi kuasa bergantung kepada peruntukan Jabatan;
- v) Kemudahan ini diberikan secara tuntutan bayaran balik tertakluk kepada had maksima dan hendaklah dibuktikan bersama resit pembelian.

Tindakan:
Jabatan Khidmat Pengurusan

8.0 UCAPAN PENANGGUHAN

Ucapan penangguhan telah disampaikan oleh Encik Khairol Basri, Ahli Majlis daripada Parti Amanah.

9.0 PENUTUP

Datuk Bandar mengucapkan terima kasih dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 5.15 petang.

Tarikh Disediakan : 1 Ogos 2025

“KITASELANGOR MAJU BERSAMA”

“MALAYSIA MADANI”

“MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI”

Disediakan oleh;




(HJ. MOHD ZULKURNAIN BIN CHE ALI), S.M.S, A.M.N

Timbalan Datuk Bandar

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

Disahkan oleh;



(DATO' AMIRUL AZIZAN BIN DATO' SRI ABD RAHIM), D.I.M.P

Datuk Bandar

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

LAMPIRAN

HADIR

1. YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd Rahim, D.I.M.P. - Pengerusi
Datuk Bandar
2. YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, S.M.S., A.M.N. - Setiausaha
Timbalan Datuk Bandar Mesyuarat
3. Encik Ismail bin Salim, P.J.K.
Timbalan Setiausaha

HADIR (AHLI MAJLIS)

4. Puan Lee Jen Uyin - Ahli
Mesyuarat
5. Encik M. Anbarasan a/l Murugesu - "
6. Tuan Ar. Kamarul Hisham bin Hj. Yeop Hashim - "
7. Encik Thomas Low Yew Sin - "
8. Encik Mehanatan a/l Embamurthi - "
9. Encik Chia Yew Ken - "
10. Encik Thamilarusu a/l Sandayan - "
11. Puan Ng Seow Chen - "
12. Encik Thong Kim Fatt - "
13. Encik Mohd Tarmizi bin Lazim - "

- | | | | |
|-----|-----------------------------------|---|---|
| 14. | Encik Kamarul Hafiz bin Kamarudin | - | " |
| 15. | Tuan Ir. Balachandran Naicker | - | " |
| 16. | Encik Tey Han Cherk | - | " |
| 17. | Puan Suzanah Hanim Wong | - | " |
| 18. | Encik Tey Boon Kiat | - | " |
| 19. | Encik Pravin a/l Murali | - | " |
| 20. | Encik Tah Yap Keong | - | " |
| 21. | Encik Parithi Vaanan a/l Ramasamy | - | " |
| 22. | Encik Muhammad Fauzan bin Rosli | - | " |
| 23. | Encik Khairol Basri bin M. Arif | - | " |
| 24. | Encik Saidin bin Awang | - | " |
| 25. | Encik Nanthakumar a/l Poapalan | - | " |
| 26. | Puan Sri Devi a/p Chenchiah | - | " |

(PEGAWAI MBSJ)

- | | |
|-----|---|
| 27. | Encik Muhammad Zaki bin Yusoff
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan |
| 28. | Puan Hajah Anita binti Abd Jalil, P.P.T.
Pengarah, Jabatan Undang-Undang |
| 29. | Puan Sr. Aida binti Omar, A.M.S., MRISM
Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta |

30. Encik Muhammad Azli bin Miswan, A.M.S.
Pengarah, Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik
31. Puan Nik Zalina binti Megat Muda, CelO
Pengarah, Jabatan Pelesenan
32. Tuan Ir. Dr Hj. Mohd Ariffuddin bin Hj. Kamari
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan
33. Tuan TPr. Hazman bin Mohd Mahayudin
Pengarah, Jabatan Perancangan Bandar
34. Tuan Hj. Affandi bin Hj. Jaafar
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
35. Puan Hajah Sharifah Rohaida binti Abd Rahman, P.P.C., P.J.K.
Pengarah, Jabatan Hasil
36. Puan Ts. Azura binti Mohd Don
Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
37. Encik Samzol bin Saat
Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
38. Tuan Sr. Nazarudin bin Mashtuki
Pengarah, Jabatan Kontrak dan Ukur Bahan
39. Puan Sarina binti Saad
Pengarah, Jabatan OSC
40. Puan Sr. Nornizam binti Mohd Jusoh
Pengarah, Jabatan COB
41. Cik Haslinda binti Mohd Rantam, A.I.S
Pengarah, Jabatan Bangunan
42. Puan Rubaizah binti Mohamed Noh
Timbalan Pengarah, Jabatan Kesihatan

43. Puan Dr. Nurnawwar binti Arpaai
Timbalan Pengarah, Jabatan Kesihatan
44. Puan Azlina binti Mat Salim
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Landskap
45. Encik Mohd Fadil bin Alos
Penolong Pengarah Kanan, Unit Audit Dalam
46. Encik Mohd Herman bin Musanip
Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Unit Integriti

URUS SETIA

47. Puan Mazura binti Mohamad
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
48. Puan Juliana binti Jaafar
Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan
46. Encik Muhammad Zulfikar bin Jalaltheen
Pembantu Tadbir, Jabatan Khidmat Pengurusan

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

1. Puan Sarawati binti Mukhtar - Ahli Majlis

